



MAC 2018

# CANANG

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Laman Nurani

*"Dan janganlah kamu berasa lemah dan jangan pula kamu bersedih hati kerana kamu paling tinggi darjatnya, jika kamu orang yang beriman"*

*Surah Al-Imran: 139*



**Ahad, 4 Mac 2018** - PKBN Pengambilan Ke-7 telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bertempat di Kem Latihan PKBN, Batu Apoi. Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah YB Dato Menteri KKBS dan isteri, Datin Norhayana Janis binti Abdullah Lim. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat dan diikuti dengan bacaan surah-surah khatam beramai-ramai. Bacaan Takhtim dipimpin oleh 11509 Pelatih Abdul Hanan bin Haji Awang Abas, manakala Doa Khatam Al-Quran pula dibacakan oleh 11454 pelatih Abdul Nur Mafuuz bin Haji Buhari. Seterusnya, Dikir Marhaban dan Doa Allah Peliharakan Sultan dipimpin oleh 11531 pelatih Awang Muhammad Izzuddin bin Haji Zaidin. Majlis juga diselenggarakan dengan penyampaian sijil kepada para pelatih PKBN yang diraikan terdiri daripada 355 orang, iaitu 245 lelaki dan 110 perempuan yang disampaikan oleh tetamu kehormat. Turut hadir Ahli MMN YB Awang Haji Emran bin Haji Sabtu; YM Datin SUT KKBS; Pegawai Daerah Temburong; Pengarah Bahagian PKBN; Pegawai Masjid Temburong dan pegawai-pegawai kanan KKBS.

**Khamis, 8 Mac 2018** - YB Dato Menteri KKBS menjadi tetamu kehormat bagi Majlis Khatam Al-Quran 34 Kali sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-34, Tahun 2018 yang berlangsung serentak di keempat-empat daerah dengan tumpuan utama di Daerah Brunei dan Muara ialah di Masjid Sultan Sharif Ali, Kampung Sengkurong. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah diketuai oleh tetamu kehormat, diikuti dengan bacaan Surah Ad-Dhuha hingga Surah Al-Massad yang dikepalai oleh penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassan al-Bolkiah. Majlis diteruskan dengan bacaan takhtim Al-Quran yang diketuai oleh mahasiswa KUPU Seri Begawan. Manakala Doa Khatam pula dibacakan oleh Johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara 2017, Awang Ahmad Zulwaqar bin Haji Suhaili, sementara dikir marhaban diketuai oleh pelatih PKBN.

Majlis diakhiri dengan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Selamatkan NBD yang dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Sultan Sharif Ali, Kampung Sengkurong. Majlis ini melibatkan 1300 orang peserta lelaki dan perempuan terdiri daripada Ahli-Ahli Persatuan Belia dan Sukan, Pelatih PKBN, Pelatih PPB, Peserta Program Belia Cinta Tanah Air, Sukarelawan-Sukarelawan, Belia-Belia Masjid, Qari dan Qariah Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan, Mahasiswa Mahasiswi Institusi Pengajian Tinggi serta Penuntut-Penuntut daripada Institusi Pendidikan Teknik Brunei, Sekolah Menengah dan Sekolah Agama





**Jumaat, 9 Mac 2018** - Majlis pengislaman bagi salah seorang pelatih PKBN pengambilan ketujuh, Pelatih 11453 Hee Ching Yee telah diadakan di Kem Latihan PKBN, Batu Apoi. Hadir selaku tetamu kehormat YB Dato Menteri KKBS. Majlis pengislaman diteruskan dengan penyampaian cenderahati kepada pelatih tersebut oleh tetamu kehormat, diikuti dengan menabur bunga rampai yang diiringi dengan Dikir Marhaban. Doa Selamat dibacakan oleh Pegawai Ugama PKBN, Awang Abdul Qaiyum bin Haji Metussin. Hee Ching Yee telah memilih nama Islamnya sebagai Muhammad Rafi' Zaidi bin Abdullah Hee. Turut hadir, Ahli Majlis MMN YB Awang Haji Emran bin Haji Sabtu; Pegawai Daerah Temburong, pegawai masjid Temburong dan pegawai-pegawai kanan KKBS.

**Ahad, 11 Mac 2018** - DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat ke Kejohanan Bola Sepak Bawah 14 Tahun sempena Brunei DPMM FC Football Fanfare 2018 bagi menyaksikan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim yang turut beraksi menyertai pasukan Sekolah Antarabangsa Brunei. Terdahulu tetamu kehormat YB Dato Menteri KKBS telah merasmikan Majlis Pembukaan Brunei DPMM FC Fanfare 2018. Dalam ucapan Naib Presiden Persatuan Bola Sepak Singapura, Razali Mohamad Saad menegaskan penyertaan Brunei DPMM FC di dalam Liga Singapura bukan hanya sebagai pelengkap pertandingan, malah menjadi pencabar yang disegani. Semu yang hadir turut diperkenalkan kepada pasukan Brunei DPMM FC bagi Liga Singapura musim 2018, diikuti dengan sesi ramah mesra yang kemudiannya disusuli dengan acara penyerahan jersi kepada pasukan-pasukan yang menyertai perlawanan bola sepak dan klinik bola sepak yang dianjurkan pada majlis berkenaan.



**Ahad, 11 Mac 2018** - Acara Larian Hari Kebangsaan 2018 anjuran KKBS bersama Persekutuan Olahraga Brunei Darussalam bagi Daerah Brunei telah disertai oleh Lebih 1500 peserta. Hadir menyertai larian tersebut YB Dato Menteri KKBS dan SUT. Acara dimulakan dengan sesi senaman pemanasan badan dan diteruskan dengan pelepasan acara larian mengikut kategori iaitu kategori Wanita Terbuka, kategori Lelaki Terbuka sejauh 10 kilometer serta kategori Fun Run Terbuka, 4 kilometer. Kategori Lelaki Terbuka dijuarai oleh Ammouta Younes, manakala tempat kedua diraih oleh David Patton dan Sefli Ahar di tempat ketiga. Bagi kategori Wanita Terbuka, juara ialah Yvette Jacobine Maria Kortekas, diikuti dengan Vanessa Lobb di tempat kedua dan tempat ketiga disandang oleh Airinee Liam Larian Hari Kebangsaan 2018 adalah untuk memeriahkan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34 Tahun 2018 bagi menggalakkan masyarakat di negara ini mengamalkan cara hidup sihat dengan melibatkan diri dalam kegiatan sukan dan riadah secara berterusan.



**Ahad, 11 Mac 2018** - YB Dato Menteri KKBS menjadi tetamu kehormat bagi majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-5 Persatuan Fu Zhou Shiyyi, Brunei Darussalam dan Majlis Perasmian Jawatankuasa Eksekutif Kali Ketiga yang berlangsung di Dewan Serbaguna Sekolah Chung Hwa, BSB. Dalam ucapan alu-aluan Presiden Persatuan Fu Zhou Shiyyi, Jackson Ting menjelaskan bahawa sejak penubuhan Fu Zhou Shiyyi lima tahun lalu, ahli-ahli jawatankuasa persatuan telah berganding bahu dalam menyumbangkan komitmen dan sokongan bagi mewujudkan dan mempertahankan visi persatuan demi masa hadapan. Melalui kerjasama dan kerja keras, masa lalu telah menjadi sejarah, namun harapan di masa akan datang menjangkakan persekitaran yang lebih sengit dan adalah menjadi tanggungjawab kami ke arah pembangunan dan kemakmuran, katanya. Majlis diteruskan dengan penyampaian cenderahati disampaikan oleh tetamu kehormat dan penyampaian token kepada ahli Penasihat.



**Isnin, 12 Mac 2018** - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berkenan berangkat menyempurnakan perasmian Minggu Kebudayaan dan Kesenian Kuwait bertempat di Airport Mall, Berakas. Keberangkatan YTM dijunjung oleh YB Dato Menteri KKBS dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kuwait ke negara ini, Tuan Yang Terutama Dr. Fahad Mashary Al-Thafiri serta SUT KKBS. TYT dalam sembah alu-aluannya menyatakan acara tersebut mempunyai kepentingan khusus kerana ia julung kali dianjurkan sejak kemerdekaan dan penubuhan hubungan dua hala antara kedua-dua buah negara. Menurutnya Minggu Kebudayaan dan Kesenian Kuwait dalam konteks hubungan persahabatan antara kedua-dua buah negara, dipupuk dengan pemedulian dan perhatian yang baik dari kepimpinan raja yang bijaksana. Ia juga bersempena dengan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan Kuwait. YTM juga berkenan menyaksikan pameran kebudayaan, dan demonstrasi makanan Kuwait.





**Khamis, 15 Mac 2018** - KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Upacara Perbarisan Tamat Latihan Program Khidmat Bakti Negara Pengambilan Ke-7 yang diadakan di Padang Kawad PKBN, Kem Latihan PKBN Batu Apoi, Temburong. Keberangkatan tiba KDYMM di Padang Kawad PKBN, Kem Latihan PKBN Batu Apoi dijunjung oleh YB Dato Menteri KKBS. Upacara dimulakan dengan hormat diraja disusuli dengan Lagu Kebangsaan NBD 'Allah Peliharakan Sultan'. Sejurus itu, KDYMM berkenan memeriksa Perbarisan Tamat Latihan PKBN Pengambilan Ke-7 terdiri daripada seramai 374 pelatih terdiri daripada 258 pelatih lelaki dan 116 pelatih perempuan. KDYMM seterusnya berkenan mengurniakan titah dan kemudiannya menganugerahkan bagi Pelatih Lelaki Terbaik Keseluruhan, Pelatih Perempuan Terbaik Keseluruhan, Pelatih Lelaki dan Perempuan Terbaik Kawad, Pelatih Lelaki dan Pelatih Perempuan Terbaik Latihan Jasmani. Doa Selamat dibacakan dan kemudian sembah 'Daulat' dilaungkan sebanyak tiga kali oleh para Pelatih PKBN yang berjaya menamatkan program latihan mereka. KDYMM seterusnya dijunjung berangkat ke Ruang Legar, Blok 1, Kem Latihan PKBN bagi sesi Junjung Ziarah dan menanam pokok. KDYMM juga berkenan menanda tangani Buku Lembaran Kenangan dan seterusnya menerima pesembah dari Pengarah PKBN. Baginda juga berkesempatan beramah mesra bersama pelatih dan ibu bapa serta penjaga Pelatih PKBN Pengambilan Ke-7 di Dewan Kuliah diikuti sesi bergambar ramai bersama para pelatih kali ini sebelum berangkat meninggalkan majlis.



**Jumaat, 16 Mac 2018** - Persembahan Kebudayaan dan Kesenian Beautiful China, Scenic Guangxi anjuran Kedutaan Besar Republik Rakyat China di negara ini dengan kerjasama KKBS telah berlangsung di Jerudong Park Amphitheatre. Hadir menyaksikan acara tersebut YB Dato Menteri KKBS dan Datin. Turut hadir, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke NBD, Puan Yang Terutama Yang Jian dan SUT KKBS. PYT Yang Jian dalam ucapannya antara lain menyatakan tujuan acara diadakan adalah untuk sama-sama berkongsi seni dan budaya perkampungan Guangxi, Nanning di China selain dapat terus mengeratkan hubungan kerjasama bagi merealisasikan projek pertukaran dalam bidang kebudayaan dan kesenian di bawah Memorandum Persefahaman dalam bidang kebudayaan di antara kedua-dua buah negara. Rombongan Kebudayaan dari Guangxi-Zhuang Autonomous Region tersebut mempersembahkan akrobatik, tarian dan nyanyian yang menggambarkan kepelbagaian kebudayaan mereka.

**Selasa, 20 Mac 2018** - NBD selaku tuan rumah bersama enam buah pasukan dari negara ASEAN lain iaitu Kemboja, Laos, Myanmar, Singapura, Thailand, Timor Leste akan berentap dalam Kejohanan Bola Sepak Piala Hassanal Bolkiah (HBT) bagi Belia ASEAN 2018 anjuran KKBS dengan kerjasama Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD). Kejohanan yang akan bermula pada 23 April hingga 7 Mei depan akan berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah dan Padang dan Balapan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas. Perkara ini telah diumumkan oleh Pemangku Setiausaha Tetap KKBS, Awang Haji Amer Hamzah selaku Penolong Pengerusi Bersama Kejohanan pada Sidang Media Kejohanan Bola Sepak HBT bagi Belia ASEAN 2018. Majlis Pembukaan Rasmi Kejohanan berprestij itu akan diadakan pada Isnin, 23 April 2018 bertempat di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas. Pada tahun 2012, Negara Brunei Darussalam telah menjuarai Kejohanan ini diikuti Myanmar pada tahun 2014. Kejohanan ini bertujuan untuk mendukung tith KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk melibatkan pasukan terbaik di rantau ASEAN untuk bersaing dalam liga bola sepak ASEAN atau Asia Tenggara di samping memberikan pendedahan dan kebolehan kesukanan ASEAN kepada dunia. Ia juga untuk memberi peluang bagi pemain muda untuk bersaing di luar negara, membentuk rangkaian atau networking dalam kalangan para peserta dan seterusnya mewujudkan pemahaman budaya yang berbeza dalam masyarakat ASEAN.



**Jumaat, 23 Mac 2018** - YB Dato Menteri KKBS dalam ucapannya pada Mesyuarat Majlis Komuniti Sosio Budaya ASEAN (ASCC) Ke-19 yang berlangsung di Singapura menyatakan bahawa NBD mengalu-alukan penekanan terhadap pembangunan belia sebagai salah satu daripada bidang keutamaan yang dikenal pasti di bawah kepengerusian ASEAN 2018 bagi Singapura. Perkara ini selaras dengan tith KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam mana baginda seringkali bertitah menekankan peranan penting para belia selaku pemimpin masa akan datang untuk menyahut cabaran dan tampil ke hadapan menyumbangkan pandangan mereka dan mengambil bahagian secara aktif dalam pembangunan negara. YB Dato menekankan, NBD percaya akan perlunya pelaburan dalam program-program untuk melengkapkan para belia dengan kemahiran yang kukuh; penyediaan lebih banyak peluang bagi golongan belia untuk menyertai kesukarelawanan dan akitviti-aktiviti komuniti / kemasyarakatan serta memperkasa para belia untuk menjadi pemimpin dengan menyediakan platform yang bersesuaian. Menurut YB Dato lagi, penerapan nilai-nilai tradisional dan budaya seperti menghormati orang lain dan ikatan keluarga yang kukuh adalah amat penting untuk terus dipraktikkan oleh generasi akan datang. Mesyuarat juga membincangkan dokumen-dokumen yang akan dihadapkan kepada pemimpin-pemimpin ASEAN di dalam Sidang Kemuncak ASEAN Ke-32 dan Ke-33 dan perkembangan pelaksanaan ASCC Blueprint 2025. Kemuncak ASEAN Ke-31 pada November 2017. Semasa sesi tersebut, Majlis Menteri-Menteri ASCC telah bertukar-tukar pendapat dan membincangkan isu dan hala tuju strategik untuk badan-badan sektoral Majlis ASCC untuk melaksanakan deklarasi tersebut. Yang Berhormat juga telah menghadiri Sesi Dialog Filantropi ASEAN, yang juga turut dihadiri oleh Menteri-Menteri ASEAN lain.





**Jumaat, 23 Mac 2018** - Perasmian Pameran Kaligrafi Islam, Kesenian dan Lukisan sempena Hari Pakistan anjuran Suruhanjaya Tinggi Republik Islam Pakistan di negara ini telah disempurnakan oleh YB Dato Menteri KKBS. Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan ke NBD, Tuan Yang Terutama Mejar Jeneral (B) Tariq Rashid Khan dalam ucapannya berasa bertuah kerana negaranya mempunyai seorang artis yang terkemuka Zulfiqar Ali Zulfi yang merupakan pemegang 'President's Pride of Performance Medal' kerana sumbangannya yang begitu cemerlang melalui pelbagai bentuk lukisan. Pameran ini mempamerkan lukisan-lukisan karya salah seorang pelukis Pakistan yang terkenal, Zulfiqar Ali Zulfi. Kesemua lukisan yang dipamerkan berkonsepkan Kaligrafi Islam dan landskap.

**Jumaat, 23 Mac 2018** - Festival Makanan dan Bazar Kraf Tangan bertemakan 'Hyderabad di Brunei' telah diadakan oleh Suruhanjaya Tinggi India di NBD dengan kerjasama Hotel Antarabangsa Rizqun bertempat di Coffee House, The Mall Gadong. Tetamu kehormat di majlis ini YB Dato Menteri KKBS. Dalam Ucapan Pesuruhjaya Tinggi India ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Nagma M. Mallick menjelaskan mengenai kekayaan sejarah dan budaya Hyderabad dan bagaimana masakan-masakannya yang unik telah berkembang sejak dua abad lalu. Menurutnya lagi, acara tersebut merupakan sebahagian daripada inisiatif promosi Perdana Menteri India, Tuan Yang Terutama Narendra Modi bagi mempamerkan perdagangan, pelancongan dan peluang-peluang pelaburan di India.




**Sabtu, 24 Mac 2018** - Majlis Penyerahan Bendera Negara kepada Kontinjen NBD ke Sukan Komanwel Ke XXI 2018 Gold Coast, Australia berlangsung di Bilik Hijau, SNHB. Berangkat menyempurnakan majlis tersebut ialah DYTM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiaah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan NBD. YB Dato Menteri KKBS dalam sembah alu-aluannya menyatakan, pemilihan para atlet ke Sukan Komanwel adalah satu kepercayaan dan amanah yang memerlukan komitmen, dan mesti ditandai dengan sepenuhnya kerana mereka adalah wakil negara yang akan mengibarkan Bendera NBD nanti di Gold Coast. Menurut YB Dato, penyertaan Kontinjen NBD di Sukan Komanwel yang dianjurkan oleh Commonwealth Games Federation bukanlah kali yang pertama, di mana penyertaan yang berterusan menunjukkan komitmen negara di temasya sukan di peringkat antarabangsa walaupun Brunei adalah negara yang kecil. YB Dato yakin pembinaan pengalaman dan pendedahan ini, setentunya akan mempertingkatkan dan memperkasakan lagi kekuatan fizikal mahupun mental.





**Ahad, 25 Mac 2018** - Majlis Penutup Program Perkhemahan Belia dan penyampaian sijil telah diadakan di Masjid Lambak Berakas. Hadir selaku tetamu kehormat YB Dato Menteri KKBS. Dalam Ucapan YB Dato antara lain menyatakan aktiviti-aktiviti pendidikan yang berdasarkan ugama dan berpandukan Melayu Islam Beraja dalam Program Perkhemahan Belia telah memulakan Rumah Allah sebagai sumber untuk memperoleh ilmu keagamaan dan kemasyarakatan. Program seperti ini adalah detik awal ke arah memantapkan sejahteraan masyarakat dan negara yang mana akan mempersiapkan para belia sebagai Generasi Berwawasan Generasi Belia Cemerlang ke arah Wawasan Brunei 2035. Seramai 95 belia menyertai program berkenaan sempena cuti penggal persekolahan di Masjid Lambak Berakas selama empat hari bermula 22 Mac yang lalu.

**Sabtu, 24 Mac 2018** - Penyerahan 10 buah kerusi roda kepada JAPEM sumbangan Hua Ho Department Store telah diadakan di KKBS. Sumbangan yang disampaikan oleh Lau Soon Hau tersebut telah diterima oleh Pemangku Setiausaha Tetap KKBS, Awang Haji Amer Hamzah. Menurut Lau Soon Hau, pemberian sumbangan itu adalah untuk meneruskan semangat dan kemurahan hati mendiang datuk mereka dalam membantu golongan yang memerlukan di negara ini. Sumbangan seperti ini adalah amat dihargai dan sedikit sebanyak membantu dalam usaha meningkatkan kesedaran dan membentuk sikap positif dalam kalangan masyarakat dan seterusnya menggalakkan penglibatan sukarelawan dan sumbangan lebih banyak daripada orang ramai, persatuan-persatuan atau syarikat terhadap golongan orang berkelainan upaya.



**Selasa, 27 Mac 2018** - Majlis Penyerahan Sumbangan dari penaja-penaja Kejohanan Bola Sepak Piala Hassanal Bolkiah bagi Belia ASEAN 2018 telah diadakan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas. Hadir bagi menerima sumbangan tajaan YB Dato Menteri KKBS. Antara penaja yang memberikan sumbangan ialah Syarikat NBT Sdn. Bhd. dan Syarikat Data Stream Technology (DST). Hadir sama, Pengerusi dan Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tajaan dan Pengiklanan kejohanan, Jackson Ting dan Pengiran Haji Manshor bin Pengiran Haji Jaya. Hasil jumlah sumbangan tajaan setakat ini berjumlah BND122,600.00



**Rabu, 28 Mac 2018** - Majlis Penandatanganan Perjanjian Persefahaman (MoU) telah diadakan di antara IHTHS Sendirian Berhad dan Dewan Perniagaan Usahawan Sabah ; Koperasi Pusat Pembangunan Belia dan Yusa Food Products Sdn. Bhd.; Dayangku Shahdina Maisarah Sabah dan DSM Brunei; Zulaikha Mega Enterprise Brunei dan AFCL Bio-Science Sdn. Bhd., Sabah telah berlangsung di Bangunan Reka Bentuk dan Teknologi, Kampung Anggerek Desa. Hadir menyaksikan penandatanganan memorandum tersebut YB Dato Menteri KKBS. Majlis turut mempamerkan pelbagai produk keluaran syarikat tempatan dan antarabangsa dari Perusahaan Kecil dan Sederhana dan juga syarikat-syarikat pengeluar terbesar. Turut hadir pada majlis tersebut ialah Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, YB Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari dan YB Nik Hafimi binti Abdul Haadii.



**Rabu, 28 Mac 2018** - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan melalui Fakulti Syariah mengadakan Mudawalah Ilmiah 'Epistemologi Hukum Islam : Maqasid Al-Syariah, Usul Fiqh Dan Qawaid Fiqhiyyah' yang berlangsung di kolej berkenaan. Hadir selaku tetamu kehormat YB Dato Menteri KKBS. Majlis Mudawalah itu diharapkan menjadi platform bagi melahirkan bakal guru dan belia NBD yang mampu memahami matlamat ajaran-ajaran Islam secara benar dan dapat mengaplikasikan serta menjelaskannya secara benar dan tepat pula iaitu dengan Pemahaman yang cukup mengenai Falsafah (Maqasid), Metodologi (Usul Fiqh) dan Teori Hukum Islam (Qawaid Fiqhiyyah) akan menghasilkan insan yang berkualiti.

**Khamis, 29 Mac 2018** - Perasmian Karnival Semarak Seni dan Budaya yang diadakan di Padang Kompleks Sukan Menglait telah disempurnakan oleh YB Dato Menteri KKBS. Dalam ucapannya, YB Dato melahirkan rasa berbangga kerana acara berkenaan memartabatkan dua perkara yang amat bermakna iaitu peranan belia dalam bidang keusahawanan dan juga komitmen untuk mempertahankan budaya dan seni yang diwarisi selaras dengan hasrat KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. YB Dato juga yakin aktiviti-aktiviti seperti ini akan menjana dan menggalakkan orang ramai dalam mempromosikan hasil keusahawanan belia kita dan menggalas warisan budaya bangsa yang menjadi khazanah. Para belia diseru untuk berani bangkit semula untuk terus berusaha sehingga berjaya dan hendaklah sentiasa menamai rasa cinta kepada budaya dan kesenian bangsa.







**Khamis, 29 Mac 2018** - Majlis Pra Letop 2018 yang bertemakan 'Memperkasa Keusahawanan Belia' anjuran Battle Pro Marketing & Management telah disempurnakan perasmianya oleh YB Dato Menteri KKBS. Pra Letop ini akan menjadi platform untuk belia-belia membuat pameran, pertunjukan atau persembahan tetapi menjadi satu platform yang melatih dan memberikan peluang kepada mereka untuk menjadi usahawan dengan menyertai bazar keusahawanan yang telah disediakan. Lebih kurang 40 syarikat tempatan dan negara jiran termasuk 30 usahawan belia menyertai Pra Letop 2018 ini.



**Sabtu, 31 Mac 2018** - majlis penyampaian bantuan kewangan kerajaan kepada 200 mangsa yang terjejas akibat banjir di Daerah Temburong telah berlangsung di Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara, Batu Apoi. Mukim-mukim yang terjejas ialah Mukim Bangar, Mukim Amo, Mukim Bokok dan Mukim Batu Apoi. Hadir menyempurnakan penyerahan bantuan kewangan kerajaan tersebut YB Dato Menteri KKBS. Turut hadir Ahli Majlis Mesyuarat Negara, YB Awang Haji Emran bin Haji Sabtu selaku Penghulu Mukim Bokok; Pemangku SUT KKBS; Pemangku Pegawai Daerah Temburong; penghulu dan ketua-ketua kampung serta pegawai-pegawai kanan KKBS. Pihak JAPEM juga telah memberikan bantuan berupa makanan tersedia ) dan catuan makanan kepada mangsa-mangsa banjir tersebut.



**Tim Penerbitan** Jeffree Haji Md Kassim **Penyunting & Penyemak**, Jeffree Haji Md Kassim **Perwajahan dan Aturhuruf** Jeffree Hj Md Kassim **Jurufoto** Hajah Ajjah binti Haji Ali, Pg Suhaimi bin Pg Haji Othman, Haji Norfaisal bin Haji Mohd Salleh.